

ADAT ISTIADAT DALAM PERLANTIKAN
PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH
DI NEGERI SEMBILAN

OLEH

BORHANA MOHD. SHARIFF

LATIHAN ILMIAH INI DIKEPERKAKAN KEPADA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA UNTUK

MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT-SYARAT

IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN

KEPUJIAN DI JABATAN PERSURATAN MELAYU.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI

1978/79

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah,
Yang pemurah lagi Maha Penyayang.

Saya bersyukur kehadiran Illahi kerana telah dapat menyempurnakan latihan ilmiah ini. Walaupun ia tidak sebaik mungkin, namun saya ingin merakamkan rasa terima kasih kepada mereka yang terlibat ^{dalam} usaha menjayakan latihan ilmiah ini. Sumbangan mereka begitu besar ertinya bagi saya.

Pertama-tama ucapan terima kasih ini ditujukan kepada penyelia saya Encik Ismail Hamid, yang telah bersusah payah memberi tunjuk ajar berupa nasihat, pandangan dan pemikiran-pemikiran yang saya sifatkan begitu bermanfaat. Dan kepada kedua ayah ibu dan keluarga, terima kasih atas galakan dan perangsang yang telah diberikan.

Kajian saya melibatkan pertemuan dengan beberapa orang tokoh adat di Rembau. Oleh itu, saya berterima kasih kepada bapa saudara saya Encik Omar b. Yassin yang telah bermurah hati melapangkan sedikit masa membawa saya menemui mereka. Setinggi-tinggi penghargaan saya persembahkan kepada tokoh-tokoh adat itu yang terdiri dari:

- a) Datuk Maharaja Inda Samad b. Hassan,
Datuk Lembaga suku Tanah Datar, sebelah baroh.
- b) Datuk Sri Maharaja Abu Kassim b. Abd. Rahman,
Datuk Lembaga suku Paya Kumbuh, sebelah darat.
- c) Datuk Perba Abdul Aziz b. Hussein, Ketua
Waris suku Biduanda.

Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga kepada pihak Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka atas kemudahan-kemudahan yang telah disediakan. Tidak lupa juga kepada saudara Mastura bte Itam yang telah sudi menaipkan latihan ilmiah ini. Sesungguhnya jasa-jasa mereka tidak dapat saya lupakan.

Terima kasih.

Daripada,

Rohana Mohd. Shariff
Jabatan Persuratan Melayu
U.K.M., Bangi.

8 Januari, 1979

KANDUNGAN

					Halaman
Pengantar	***	***	***	***	11
Kandungan	***	***	***	***	111
BAB I	PENGANTARAN				1
	Shop dan objektif kajian	***	***		6
	Metode kajian	***	***	***	10
	Masalah kajian	***	***	***	11
	Latar belakang tempat kajian		***		13
BAB II	ROLA-ROLA KEPIMPINAN DALAM MASYARAKAT ADAT PERPATIH		***		
	Konsep pemimpin dan kepimpinan		***		26
	Konsep pemimpin dan kepimpinan dalam masyarakat Adat Perpatih		***		30
	Syarat-syarat menjadi pemimpin		***		32
	Sifat-sifat pemimpin	***	***		34
	Pantang Larang Pemimpin	***	***		36
	Tugas-tugas Pemimpin	***	***		38
	Institusi Kepimpinan	***	***		39
BAB III	ADAT ISTIADAT DALAM PERLANTIKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH				
	Definisi adat	***	***	***	54

**Proses perantikan dan pelaksanaan
adat istiadat**

Buapak	***	***	***	56
Lembaga	***	***	***	60
Undang	***	***	***	74

BAB IV

**ADAT ISTIADAT PERANTIKAN DAN
PERTABALAN YANG DIPERTUAN BESAR
NEGERI SEMBILAN**

Kedudukan Yang Dipertuan Besar	***	87
Adat Istiadat Perantikan dan Pertabalan	***	94

BAB V

KESIMPULAN

Persamaan dan perbezaan dalam adat istiadat perantikan dan pertabalan antara Minangkabau dan Negeri Sembilan	113
Adakah Adat Perpetih bercorak Demokrasi?	126

LAMPIRAN

***	***	***	132
-----	-----	-----	------------

SILABOGRAFI

***	***	***	133
-----	-----	-----	------------

BAB TIGA

ADAT ISTIADAT DALAM PERLANTIKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH

Definisi adat

Bab ketiga ini akan cuba menyingkap peraturan-peraturan adat dalam upacara perlantikan Suapak, Lembaga, Datuk Undang dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Dalam bab pertama, telah dibicarakan tentang adat. Antara lain adat adalah suatu pedoman hidup kerana untuk menjajutkan suasana kehidupan yang aman damai, kita perlukan satu peraturan sebagai panduan. Adat dalam pengertian di atas boleh di-
(1)
bahagi ke beberapa bahagian.

a) Adat yang sebenar adat

Dari segi falsafah, adat ini berasaskan pada ketentuan alam dan tidak berubah-ubah. Dari peraturan adat ini, manusia mengalami sendiri dalam hidupnya. Adat inilah yang dikatakan, 'adat yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas'.

b) Adat yang diadatkan

iaitu satu-satu adat yang diadatkan dengan persetujuan anggota masyarakat, akan tetap diguna selagi mereka memerlukan. Tetapi akan diubah, atau ditinggalkan jika anggota masyarakat itu tidak memerlukan lagi. Adat

(1) Abdullah Siddik, 'Adat dan Modernisasi' dalam Kertas Kerja Seminar Penasejaraan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan pada 10 - 12 April, 1974.

ini boleh digambarkan oleh perbilangan,

'bulat air dek pemetung,
bulat mamaisa dek muafakat.'

c) Adat yang teradat

ialah kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat. Adat yang terjadi dengan sendirinya. Tidak terbit dari kata muafakat tapi kerana kelaziman. Misalnya dalam perlakuan sehari-hari, orang-orang muda mesti menghormati orang tua.

d) Adat Istiadat

Merupakan adat dalam bentuk upacara sahaja, seperti upacara perkahwinan, kematian dan lain-lain. Berlaku tolak tambah pada adat yang sedia ada itu. Kebanyakan adat istiadat ini bertentangan dengan dasar kebenaran.

Dari pembahagian adat tersebut, dapat difahami ada diantara adat itu bersifat dinamis dan berkembang mengikut perkembangan masyarakat. Jika diubah, struktur masyarakat yang mengamungnya juga turut berubah. Pembahagian adat yang ingin disentuh adalah berkaitan dengan adat istiadat, penekanan khusus pada aspek upacara.

Pada dasarnya, proses pemilihan dan perantaraan pemimpin-pemimpin ini punya bersamaan. Proses ini hanya berjaya sesudah persetujuan bersama atau kebuletan suara dari anak buah didapati. Kelainan hanya terdapat pada bentuk upacara semasa pengesahan dibuat, tanda penerimaan

anak buah. Di bawah ini akan diperturunkan adat istiadat perlantikan setiap pemimpin.

Proses Perlantikan dan Adat Istiadat

Penggantian pemimpin baru berlaku apabila pemimpin yang sedia ada meninggal dunia, meletakkan jawatan atau dipecat.

Buapak

Sebagaimana diketahui umum, Buapak adalah ketua perut. Perlantikan buapak tidak serumit pemilihan keatas Lembaga atau Undang kerana kedudukan hanya dalam lingkungan kecil yang terdiri dari waris-warisan seperut. Buapak terpilih hasil dari kebulatan suara dari waris-warisan⁽¹⁾ dan waris sekedim⁽²⁾, pendek kata 'himpunan segala waris'.

Perlantikan ini hanya sah apabila mendapat persetujuan dari Lembaga. Calon-calon hanya dipilih dari anggota perut yang berhak. Pilihan hanya tertumpu pada calon yang layak sahaja setelah dikaji latar belakang keturunan, tiada pernah melakukan sebarang kesalahan dan dia

-
- (1) Waris seperut ialah anggota yang membentuk satu perut dan mempunyai hubungan kekeluargaan. Hubungan antara mereka sangat padu dan mempunyai hak serta tanggungjawab yang sama.
 - (2) Waris sekedim disebut juga waris nan sekedim. Seseorang yang punya hubungan darah paling hampir dengan seorang lain. Mereka diharamkan berkahwin seperti sepupu.

memang arif dalam hal ehwal adat. Ciri ini yang menjadi syarat penentuan. Untuk pengisytiharan, pada suatu hari tertentu diadakan upacara penyembahan. Istiadat ini dilakukan diteratak. (1) Barang-barang persembahan adat yang perlu adalah tepak sirih, nasi kunyit, penganan (dodol) dan wajik yang diletakkan dalam boko. (2)

Barang-barang ini diletakkan dihadapan Buapak. Tempat kebesaran Buapak adalah di anjung serambi rumah yang telah terpasang dengan segala alat kebesaran seperti tilam bujur, bantal bersusun, tabir, langit-langit terbentang, tikar berompok, (3) tepak sirih dan rebana dipukul. Buapak berpakaian serba lengkap, berbaju Melayu, bertanjak dan berkeris, duduk di tempat kebesarannya. Kemudian seorang demi seorang anak buah menyembah tanda penerimaan mereka. Buapak-buapak dari kampung lain juga turut hadir.

Selepas upacara penyembahan, anak buah menikmati jamuan ringkas. Pengesahan secara rasmi diperolehi dari Datuk Lembaga sesudah mereka melakukan upacara ini. Kedudukan seorang buapak akan terjejas sekiranya

-
- (1) Teratak ialah tempat kediaman Buapak disebelah pihak isterinya (tempat semenda).
 - (2) Boko ialah sejenis dulang, diperbuat dari tembaga. Boko yang berisi dodol dan wajik digunakan juga dalam upacara lain seperti perkahwinan iaitu dalam istiadat 'Menyalang' (Menyembah) oleh pengantin perempuan keatas ibu mertuanya.
 - (3) Tikar berompok merupakan sejenis tikar mengkuang. Disekeliling tikar itu dijahit dengan kain berwarna merah.

dia didapati cial menjalankan tugas, menyalahgunakan kuasa dan bertingkah laku yang boleh memalukan anak buah.

Sesuai dengan kedudukan, upacara peraian buapak berlangsung tidak secara besar-besaran kerana ia khusus untuk anggota perutnya sahaja. Upacara penyembahan amat penting, sebagai tanda pengiktirafan dari anak buah. Tapi, tiada paksaan keatas anak buah untuk menyembah atau menyampaikan rasa persetiaan mereka pada hari tersebut.

Kedudukan Buapak dalam Masyarakat

Selaras dengan kedudukan, pandangan dan sanjungan anak buah terhadap seorang Buapak, amat tinggi dan mulia. Buapak sering dijemput ketika anak buah mengadakan majlis seperti perkahwinan, kematian, mencukur rambut bagi dan sebagainya. Kebesaran sambutan anak buah terlihat menerusi cara mereka menghidang makanan kepada Buapak tersebut, selain dari persediaan tempat duduk yang telahpun terhurai di atas

tadi. Bandingan status buapak ialah 'Seekor Kambing'. (1)

Ini adalah juga meng-huraikan kepada Buapak.

Sebagai contoh, jika anak buah, dia, lupa.

"Macam manapun alat jamunya, atau hukum yang dibayar, ataupun perjuduan yang diselesaikan, jika adatnya seekor kambing, maka Buapaklah yang punya".

(1) Nordin Selat, Op cit, hal. 162.

Anak bush harus menaati beberapa syarat ketika menjemput Buspak seperti hidangan makanan, mesti sempurna dan berbeza dari orang lain. Kesempurnaan dalam erti kata tiada cacat keadaan pinggan mengikut misalnya saiz, retak atau kotor dan paling penting mesti dari jenis dan warna yang sama. Kuantiti tiap hidangan mesti sama. Hidangan utama bagi buspak ialah masakan kepala kambing yang dililit dengan perut supaya tidak tergelincir. (1) Dia mesti menjamah masakan ini sebelum teredar kepada orang lain. Hidangan ini diletak ke dalam dulang, ditutup dengan tudung saji di mana di atas tudung saji itu pula ditutup dengan kain 'tudung hidang'. Sebelum makan, Buspak akan memerhatikan setiap kedudukan hidangan supaya tiada bahan-bahan yang berturutan atau berlainan. Apabila Buspak menutup semula makanan itu dengan tudung saji penutup 'tudung hidang' dan 'pengiring hidang' bererti, ini berlaku keturutan atau tersalah cara dan dia merasa tersinggung. Bila anak bush itu menyedari kesalahan, dia mesti membuat tepak sirih meminta maaf dengan kata-kata, (2)

"Terlintas kepala ladang, Terpijak benang orang.
Dah salahlah saya nampaknya kepada Datuk.
Maklumlah dah lama tak buat, dah lupa. Minta
maaflah saya kepada Datuk".

Pernah dikatakan majlis khenduri diadakan bertujuan untuk menguji pengetahuan seorang Buspak terhadap peraturan adat. (3) Tetamu

(2) Ibid, hal 162

(2) Hordin Selat, ibid, hal. 163

(3) Ibid.

yang menyertai ekspedisi Buspak biasanya menjalankan ujian dengan cara menukar isi 'pengiring hidung', umpamanya mengurung isi yang terdapat dalam satu-satu hidangan atau menabuh rambut ke dalam salah satu hidangan tersebut. Sekiranya Buspak tidak nampak akan kesilapan-kesilapan ini, dia dianggap kurang berpengetahuan tentang adat. Peristiwa ini tidak berkesudahan begitu sahaja malah akan jadi byalan anak buah yang boleh menjatuhkan marwah seorang Buspak. Selesai majlis tersebut, kepulauan Buspak biasanya dibekali dengan pulut kuning, telur dan lauk pauk.

Jelasnya, anggota perut begitu mentaati ketua mereka. Buspak rasa terhina jika anak buah lakukan kesilapan segi adat. Ada lebih baik Buspak tidak dijemput dalam majlis sekiranya mereka tidak berkemampuan memenuhi syarat sebagaimana tuntutan adat.

Lembaga

Pertama-tama yang membentuk Lembaga adalah kebulatan-kata dari buspak dan anak buah. Buspak bertanggungjawab memilih Lembaga. Tidak semua perut boleh mencalon Lembaga, terutama perut dari suku lain yang berkedim dengan sesuatu suku kecuali dengan persetujuan Lembaga. Hanya ketua perut yang sudah lama⁽¹⁾ sahaja berhak mencalon Lembaga.

(1) Ketua perut yang sudah lama bermaksud mereka yang sedang sejak mula berkuasa melantik Lembaga.

Syarat untuk menjadi Lembaga, seorang calon itu mesti:

a) Terdiri dari golongan yang perutnya berbak melantik

Lembaga.

b) Berasal dari keturunan yang baik.

c) Dia mesti beristerikan perempuan dari luarnya, kerana

sudah termaktub dalam Adat Perpatih bahawa tempat tinggal

seorang suami adalah di rumah isterinya. Jika dia ber-

isterikan orang luar, akan timbul masalah tempat

kediaman.

Oleh yang demikian pilihan utama bergantung pada latar belakang
keturunan yang baik dan mesti beristerikan perempuan dari luarnya

sendiri. Pemilihan di Rembau berasaskan konsep 'kebulatan' ⁽¹⁾ iaitu

semua anak buah dan buapak berastuju. Setelah kata sepakat diterima,

nama calon dikemukakan kepada Undang atau Penguilu kerana perlantikan

Lembaga hanya sah menerusi persetujuan Undang.

Tapi, bagaimana sekiranya anak buah gagal mencari calon yang
benar-benar layak atau kebulatan suara tidak tercapai? Masalah ini

mereka atasi dengan menambah perkara ini ke pihak Undang. ⁽²⁾ Di

tangan Undang pada masa itu terletak segala keputusan. Undang ber-

(1) Konsep kebulatan berbeza antara satu lusk dengan lain. Di
Gelang Pagar, Terachi, Inas, Jempol dan Ulu Ruar, kebulatan
suara memadai dengan suara terbanyak sudah mencukupi.

(2) Informasi dari Datuk Lembaga Sri Maharaja Abu Kassim b. Abd.
Rahman dari suku Paya Rembau sebelah darat yang ditemu-tuali
oleh penulis pada 1/11/78.

kuasa mencari dan menetapkan perantaraan itu selepas calon yang layak diterima, maka Undang atau buapak akan mengistiharkan nama Datuk Lembaga yang baru kepada anak buah. Seperti Buapak, upacara penyembahan juga berlaku pada Datuk Lembaga. Upacara penyembahan berlangsung dalam suatu hari yang ditetapkan dan pada hari yang sama juga, upacara ini berlangsung di dua tempat iaitu di telapak ⁽¹⁾ dan teratak. Menurut kebiasaan, upacara di telapak dilakukan di sebelah pagi manakala di teratak, sebelah petang. Upacara ini dalam bentuk jamuan makan untuk semua anak buah. Lembaga menyembelih dua ekor kambing.

Upacara Penyembahan

Istiadat bermula dengan Datuk Lembaga tanpa isterinya pergi ke telapak di pagi hari dengan berpakaian lengkap, berbaju Melayu, berdaster dan berkeris. Di rumah ibunya, Datuk Lembaga duduk di tempat kebesarannya iaitu di hujung serambi rumah, yang telah terpasang tabir dan langit-langit dari kain berbagai warna dan hiasan permaidanai. Datuk Lembaga duduk bersila berdalaskan tilam pandak, ⁽²⁾ lalu disembah oleh buapak dengan cara berjabat salam, kemudian diikuti

(1) Telapak ialah tempat kediaman Datuk Lembaga di pihak ibunya. Dengan kata lain, tempat kelahirannya.

(2) Tilm pandak adalah sejenis tilam di mana kelilingnya dihias dengan mengukang yang dianyam seperti tikar.

pula oleh anak buah. (1) Sesudah upacara penyembahan, jamuan makan diadakan untuk anak buah. Ibu bapa Datuk Lembaga tidak terlibat dalam upacara ini. Majlis di telapak berakhir setakat itu sahaja. Pendek kata, anak buah sudah mengenali Datuk Lembaga mereka yang baru.

Jemputan oleh Buapak di pihak isteri terhadap Datuk Lembaga pula merupakan tanda permulaan upacara ini di teratak. Menurut adat, anak buah dan Buapak di pihak isteri juga mesti menyembah. Buapak sebelah isteri bertanggungjawab menjemput Lembaga. Mereka membawa tepak sirih yang biasanya dibungkus dengan tiga lapis kain samada dari kain batik lepas atau tudung panjang. Membungkus tepak sirih ada cara tertentu. Lapisan pertama dan kedua diikat secara bebas, tapi ikatan ketiga maha penting. Ikatannya berbentuk biasa tapi ada menunjukkan kedudukan kepala (pangkal) dan ekor (ujung) yang tidak ketara. Bentuk di luar melambangkan kedudukan isi di dalam. Hanya ketua-ketua adat sahaja yang mengetahui tanda itu.

Sewaktu menyerahkan tepak sirih, bahagian kepala didahulukan. Jika buapak tersilap, iaitu bahagian ekor didahulukan, ini bermakna mereka menghina Datuk Lembaga tersebut, seolah-olah tidak menyetujui perlantikan itu. Ketika penyerahan, Buapak dari teratak berkata,

-
- (1) Tidak ada paksaan ke atas anak buah untuk menyembah. Biasanya mereka yang kurang setuju dengan perlantikan, tidak akan hadir dalam majlis itu.
(Informasi dari Datuk Lembaga Sri Maharaja Abu Kassim b. Abd. Rahman dari suku Paya Kuboh sebelah darat yang ditemui-bual penulis pada 1/11/78.

"Saya datang sebagai buapak waris menjemput yang bergelar Datuk Lembaga.... hendak bawa pulang ke teratak, dulunya kecil bernama, besar dah bergelar". (1)

Buapak dari Telapak bagi pihak Datuk Lembaga menyambut tapak sirih dengan iringan kata-kata,

"Saya bagi pihak yang menanti atas jemputan Buapak tadi hendak membawa Lembaga saya pulang ke teratak. Jadi, saya membahagi tambang, sama-sama kita jaga dan sama-sama dipakai". (2)

Pengucapan ini memberi gambaran bahawa kepergian Datuk Lembaga ke teratak direstui malah mereka beranggapan, Datuk Lembaga harus dinilai kerana 'tambang' dalam konteks ini bermakna 'pezeenan'. Oleh itu, kemana saja belia pergi, kelengkapan sambutan terhadapnya harus menurut adat. Sebagai contoh, tempat kebesaran Lembaga adalah di hujung serambi rumah. Jadi, anak buah harus menyediakan tempat ini dengan alat kebesarannya setiap ketika Datuk Lembaga mengunjungi rumah mereka. (3) Itulah erti yang cuba dipaparkan oleh pengucapan,

"Jadi, saya membahagi tambang, sama-sama kita jaga dan sama-sama dipakai".

(1) dan (2)

Perolehan informasi dari Datuk Lembaga Sri Maharaja Abu Kassim b. Abd. Rahman, dari suku Paya Kumboh yang ditemui-penal penulis pada 1/11/70.

(3) Jika anak buah tidak mematuhi adat, mereka akan didenda seekor kambing.

Iberet Janji dikota, kata bersambut, Datuk Lembaga dan Buapak bersama-sama ke teratak. Upacara sambutan dan penyediaan alat-alat kebesaran sama seperti yang telah dijalankan di telapak. Kelainan cuma pada cara penyembahan. Mula-mula isteri, kemudian diikuti oleh anak, adik beradik isteri (seluruh keluarga). Buapak tidak lagi dihendaki menyembah kecuali mereka yang belum menyembah sewaktu upacara itu berlangsung di telapak. Selepas menyembah, doa selawat dibaca dan jamuan makan diadakan. Istiadat penyembahan di telapak berakhir pada saat itu.

Sepertaka lagi yang harus disentuh ialah Datuk Undang, Datuk Lembaga serta Buapak dari kawasan lain tidak mesti hadir. Mereka bebas memilih, samada sulu atau tidak menghadzirinya. Tambahan pula, upacara ini berbentuk kecilan sahaja khusus untuk anak buah sesuatu suku, sebagai satu cara mengenal pemimpin baru mereka. Pada peringkat ini, pengiktirafan dari Buapak dan anak buah telah diterima. Tapi, kedudukan Datuk Lembaga tidak utuh sendainya tiada pengesahan dari Datuk Undang. Untuk ini, Datuk Lembaga harus melalui satu lagi upacara iaitu upacara penyembahan kepada Datuk Undang.

Upacara ini berlangsung di rumah Undang. Mengikut kelazisan, selepas 40 hari perlantikan, Datuk Lembaga mesti adakan upacara ini. Pada hari yang ditentukan, Buapak dan anak buah dari telapak dan teratak mengiringi Datuk Lembaga dan isteri ke rumah Undang dengan

membawa buah tangan yang terdiri dari tepak sirih, pulut kuning 'berpanca' ⁽¹⁾ dan bunga telur, ⁽²⁾ penganan (dodol) dan wajik sepanca kecil serta wang sebahara. ⁽³⁾ Barang-barang ini dibawa oleh Datuk Lembaga. ⁽⁴⁾ Sampai di rumah Undang, Datuk Lembaga menyerahkan barang, dimulai dengan tepak sirih, kemudian barang-barang lain. Setelah Datuk Undang menerima persembahan, Datuk Lembaga bersama isteri melangkah kehadapan Undang, mengangkat sembah seperti menyembah raja, dengan gerakan lima kali kedepan dan tiga kali kebelakang. Apabila upacara penyembahan tamat, Datuk Undang mengadakan jamuan ringan. Buah tangan tadi adalah khas untuk keluarga Undang. Upacara penyembahan tamat selepas tamatnya jamuan tersebut.

Kesimpulannya, kedudukan jawatan seorang Datuk Lembaga yang baru hanya sah setelah melalui upacara penyembahan dari pihak telapak; taratak dan ke pihak Undang. Oleh itu, upacara penyembahan amat

(1) Pulut kuning berpanca bermaksud pulut kuning yang diisi kedalam sebuah bekas berkaki, diperbuat dari kayu. Luas permukaan terdapat dalam ukuran besar dan kecil. Bentuk permukaan biasanya bulat, empat segi atau bersegi lima. Atas pulut kuning, dicucuk dengan bunga telur sebagaimana yang pernah dilihat dalam upacara perkahwinan.

(2) Bilangan bunga telur tidak terhad, mungkin 30, 50 atau 100 biji menurut kesukaan Datuk Lembaga.

(3) Wang sebahara bersamaan dengan nilai \$24/-.

(4) Barang-barang ini dibawa oleh Datuk Lembaga samada di darat atau baroh. Penentuan ini dibuat bergantung pada perlintikan Datuk Lembaga yang baru. Mialanya, jika Datuk Lembaga yang dilantik itu sebelah baroh, maka salah seorang dari Datuk Lembaga yang ada di barah akan membawanya dan begitu juga sebaliknya.

penting meskipun agak sukar untuk dilaksanakan kerana penglibatan wang yang banyak dan memakan masa. Malau bagaimanapun, ia mesti dibuat kerana sudah menjadi adat yang teradat.

Kedudukan Datuk Lembaga dalam Masyarakat

Dari penelitian terhadap sistem perlagipasan masyarakat Adat Melayu ini, apalah kedudukan bagi isteri Lembaga Melayu. Perpatih, Datuk Lembaga punya kedudukan istimewa. Pelaksanaan adat seperti mengangkat air, mengangkat selagi dalam wajil kemudi. Istiadat ke atas Datuk Lembaga bukan sahaja berlangsung pada masa perkahwinan, malah pada hari-hari lain yang berkaitan dengan adat perantikan, tapi sejak mula atau apa sahaja yang berkaitan dengannya, isteri Lembaga harus diadatkan upacara adat. Upamanya, apabila seorang Datuk Lembaga berkahwin, (1) diadakan upacara adat menarima kedatangannya di rumah isteri Lembaga. Antara jemputan termasuk Lembaga dan buapak-buapak dari suku isterinya. Penggunaan alat kebesaran semasa menyambut

yang diatur di halaman. Datuk Lembaga kemudiannya duduk di tempat khas, lengkap dengan segala alat kebesaran. Kali ini saudara mara pihak suku isteri menyembah tapi tangan diangkat setakat dada sahaja. (2)

Upacara demikian sebagai satu cara isteri memperkenalkan suami serta tidak secara langsung menunjukkan status suaminya. Apa yang menarik, ketika itu ialah cara pengenalan mereka di mana seorang wakil pihak

berkata, (3)

(1) Jika semasa perantikan, Datuk Lembaga belum berkahwin, upacara penyembahan di taratak tidak perlu dilakukan.

(2) Nordin Solat, Ibid, hal. 106.

(3) Ibid.

"Inilah inten gemala saya
Disampaikan kepada Datuk-datuk semua
Kok elok Datuklah yang tau."

Aktiviti Datuk Lembaga terbatas di rumah isteri. Dia tidak berperanan dan tidak boleh terlibat dalam urusan adat suku isterinya. Sudah menjadi adat, kedudukan suami mempengaruhi juga kedudukan isteri. Dalam hal ini, adalah terlarang bagi isteri Lembaga membuat pekerjaan seperti mengangkat air, mengukur kelapa dalam majlis kenduri. Di saat kematian, suku pihak isteri masih berperanan penting menjaga status suami mereka. Mereka dikehendaki menjalani upacara adat seperti mengadakan payung terbelik, tombak, bandera, keris dan duit sedekah.⁽¹⁾ Dengan kata lain, Lembaga dipermuliah anak buah walau di mana saja mereka berada. Adat ini tidak pernah terjadi pada pemimpin lain di luar adat Perpatih.

Upacara adat yang dinamakan "memanggil pulang" merupakan satu lagi upacara menarik untuk seorang Lembaga yang kematian isteri. Upacara berlangsung selepas tiga hari pengubunan isteri. Untuk menghormati si isteri tadi, alat-alat kebesaran tetap terpasang, iaitu tombak, payung kuning dan keris. Lembaga pulang ke suku asal apabila Abdul Rahman memberitahu, beliau memulau bagi raga. Pihak suku Lembaga datang menjemput dengan membawa boko wajik dan diserahkan kepada buapak pihak isterinya. Biasanya, buapak pihak isteri mengiringi kepulangan Lembaga bersama anak buahnya hingga ke pintu.

(1) Nordin Salat, Ibid, hal. 106.

Meskipun kedudukan Datuk Lembaga sebagai orang berjawatan, namun dia tidak menerima gaji, tapi hanya menerima sugu hati (elaun). Jumlah pembayaran berbeza-beza, kebanyakan \$20/- sebulan. (1) Hasil dari denda atas kesalahan 'perkahwinan merumah' dan 'melangkah bendul' pada suatu masa dulu juga merupakan sumber pendapatan bagi Lembaga. (2)

Dalam kehidupan seharian, Datuk Lembaga bebas dari cukai ke atas tanah pusaka seluas 2½ ekar sepanjang hayat. Begitu juga anak buah dilarang dari menjemput Datuk Lembaga dari atas rumah sahaja tapi mesti menyambutnya di halaman dan mengiringi masuk ke dalam.

Kalau anak buah menjemput Datuk Lembaga mereka ke majlis perkahwinan atau sebagainya, tuan rumah mesti melengkap alat-alat kebesaran seperti tempat duduk dan hidangan makanan malahan dia mesti mengadakan teman khas untuk Lembaga sebagai teman berbual. (3) Kalau bandingan status buapak adalah seekor kambing tapi bagi Lembaga ialah seekor kerbau. Kedudukan seorang Lembaga tergambar dalam kenyataan

(1) Dalam temu-bual dengan saya, Datuk Sri Maharaja Abu Kassim B. Abdul Rahman memberitahu, beliau menerima sugu hati sebanyak \$40/- sebulan.

(2) Nordin Selat, ibid hal. 106. Perkahwinan merumah ialah perkahwinan yang dilakukan secara paksa setelah pihak lelaki datang menyerah ke rumah perempuan membawa keris. Si lelaki akan mengugut si perempuan berkahwin dengannya sama setuju ataupun tidak. Melangkah bendul adik berkahwin dahulu dari kakak.

(3) Nordin Selat, ibid, hal. 161.

ini⁽¹⁾

"Maka dibilang daripada alat Lembaga dengan pusaka didalamnya seekor kerbau, tempatnya, pertama, fihak dan kahwin; kedua, oleh dan jamu (termasuk jamu Hari Raya) ketiga, cincang, tindik, keempat, sunat Rasul, kelima, jemput hantar, keenam, pertolongan nasi bertaki dua berjalan siang, ketujuh, pertolongan kuih bertaki empat berjalan malam".

Di pihak anak buah, apabila ingin bertamu Lembaga, mereka mesti membawa buah tangan seperti wajik, dodol biskut dan lain-lain. Sungguhpun barang-barang ini tidak perlu bagi Lembaga kerana dia mampu mengadakan lebih daripada itu, tapi ini sudah teradat di kalangan masyarakat Adat Perpatih.

Kedudukan Datuk Lembaga secara langsung mempengaruhi perlakuan hariannya. Kita tidak akan dapat melihat Lembaga bekerja kuat,⁽²⁾ mengandor pisang atau ayan untuk jualan atau terleri-lari di tengah jalan. Apa yang patut dilakukan hanyalah berjalan dengan gerak langkah biasa sambil membawa tongkat⁽³⁾ supaya dapat memperlihatkan kedibawaan sebagai seorang pemimpin. Dalam hubungan dengan raja dan Pegawai Daerah, beliau juga perolehi keistimewaan. Penggilan antara keduanya

(1) Abbas b. Hj. Ali - Bambau, Sejarah Perlembagaan Adat Istiadatnya. Dikeluarkan oleh Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat Istiadat Melayu, Bambau. Cetakan Pertama, Pejabat Cetakan Kerajaan Johor, 1953 hal. 57.

(2) Dalam hal ini, Datuk Lembaga Sri Maharaja Abu Kassim b. Abd. Rahman selain dari menjawat jawatan ini, beliau bekerja sebagai seorang Konprektor.

(3) Nordin Selak, op. cit., hal. 162.

sudah tentu ada kelainan. Misalnya Datuk Lembaga membahasakan dirinya 'sahabat beta' manakala Pegawai Daerah 'berpatik'. Jika ada urusan dengan kerajaan Datuk Lembaga didahulukan dari orang lain.

Secara ringkas, dalam kehidupan seharian, anak buah sedaya upaya berusaha untuk menyanjung pemimpin mereka seperti menyedia alat kebesaran sekiranya Datuk Lembaga dipanggil ke upacara. Di pihak Lembaga pula, mereka harus menjaga setiap gerak laku supaya tidak dipandang sumbang oleh anak buah. Walaupun, kedua pihak berinteraksi erat, tapi pihak pemimpin lebih berkeberuntungan.

Dalam susunan pentadbiran politik di luar Rantau, peranan Datuk Lembaga amat ketara terutama dalam usaha melantik Datuk Undang yang baru. Terdapat dua gelaran khas iaitu Lembaga Tiang Balai atau nama lainnya Lembaga Yang Lapan dan Lembaga Yang Disbelas. Setiap mereka berada di tiap daerah baroh dan darat. Baroh dan darat merupakan daerah pentadbiran, kemungkinan adanya pembahagian serupa ini bertujuan untuk kemudahan pemerintahan Datuk Undang. Gelaran Datuk Lembaga antara daerah-daerah tersebut berbeza dan bilangan anggota Lembaga tidak mengikut gelaran. Misalnya, jumlah anggota Lembaga yang Dua Belas yang sebenarnya ialah 10 dan bukan 12 orang kerana 2 orang terkeluar dari senarai⁽¹⁾ ataupun mungkin jumlah ini bergantung pada

(1) Abd. Samad Idris, op. cit. hal. 53.
Pada masa sekarang, hanya tinggal nama, yang sebenarnya hanya tinggal 9 orang saja Lembaga dalam ikatan itu yang mentadbir 12 suku.

suku-suku yang ada di situ. Di sini akan diperturunkan susunan pemerintahan dan suku-suku di Rembau.

Lembaga Tiang Balai (Lembaga Yang Delapan)

Daerah Baroh

- | | |
|--|----------------|
| a) Datuk Gempa Maharaja dari suku Batu Hampar. | |
| b) Datuk Marbangsa | - Paya Kumboh. |
| c) Datuk Bangsa Balang | - Tiga Manek. |
| d) Datuk Samsura Pahlawan | - Mangkal |

Daerah Barat

- | | |
|-------------------------|---------------------|
| a) Datuk Sri Maharaja | - Paya Kumboh. |
| b) Datuk Sinda Maharaja | - Seri Lemak. |
| c) Datuk Andika | - Batu Balang. |
| d) Datuk Mandulika | - Sri Semelenggang. |

Lembaga Yang Duabelas

Daerah Baroh

- | |
|---|
| a) Datuk Perba dari suku Mduande Waris Jakun dan Jawa (bergilir). |
| b) Datuk Puteh dari suku Batu Hampar Petani. |
| c) Datuk Genti Maharaja dari suku Anak Melaka. |

- d) Datuk Raja Senara dari suku Tanah Datar.
- e) Datuk Lela Wangsa dari suku Anak Aceh.

Daerah Darat

- a) Datuk Setia Maharaja dari suku Biduanda.
- b) Datuk Sultan Bendahara - Batu Hampar.
- c) Datuk Ngiang - Mangkal
- d) Datuk Maharaja Inda - Tanah Datar
- e) Datuk Dagang - Sri Semelenggang Minangkabau

Tidak termasuk dalam Lembaga Yang Dua Belas

- a) Datuk Lela Raja dari suku Tiga Batu
- b) Datuk Mengkuta - Sri Semelenggang

Harus diingat, setiap Datuk Lembaga tidak berkuasa ke atas kawasan luar dari kawasannya walaupun datang dari suku yang sama. Misalnya anak buah suku Paya Kumboh yang datang kemudian meneroka di darat (Sg. Layang) dengan Lembaganya Datuk Seri Maharaja tidak berkaitan dengan suku Paya Kumboh bawah perintah Datuk Merbangsa. Adat Lembaga di darat tidak mengikut adat Lembaga di baroh. Tapi pada bahagian yang berhubungan dengan adat dalam pentadbiran suku, keadaan kedudukan mereka adalah sama dan saling bekerjasama.

Undang

Telah diketahui umum bahawa Datuk Undang berkuasa mutlak ke atas luaknya. Sudah diparkatakan juga, Datuk Undang setaraf dengan raja (Yang DiPertuan Besar). Ekoran dari itu, proses pemilihan dan perliantikannya juga agak rumit berbanding dengan Buapak dan Lembaga. Kesukaran timbul kerana proses ini melalui beberapa peringkat tertentu dan hanya sah setelah seorang bakal Undang itu berjaya memenuhi beberapa tuntutan adat.

Mengikut pengalaman lalu, Datuk Undang yang baru dilantik apabila Datuk Undang yang lama meninggal dunia. Undang baru hendaklah dipilih sebelum Undang yang meninggal dikebumikan. Tapi, dari segi praktiknya, didapati sukar untuk berbuat demikian, kerana kemungkinan berlaku perebutan, maka masalah ini hanya diatasi selepas 40 hari dari hari pengkebumian.⁽¹⁾ Proses pemilihan dan perliantikan adalah menurut peraturan yang khas dan ketat. Perliantikan hanya dibuat setelah mendapat kebulatan suara dari buapak dan Lembaga.

Proses Pemilihan

Proses pertama ke arah mencapai matlamat ialah mengari giliran. Di Rembau, Undang hanya dipilih dari suku Biduanda dari Perut Sedia Raja dan Lela Maharaja.⁽²⁾ Untuk menentukan calon dari giliran

(1) dan (2) - Perolehan informasi dari Dato' Perba Abd. Aziz b. Husin Ketua Waris Biduanda atau Pengerusi Jemaah Pemilih yang ditemubual penulis pada 5/11/78.

antara dua carak ⁽¹⁾ tersebut, Buapak dari lapan kampung bermesyuarat, diketuai oleh Lembaga waris Biduanda Datuk Perba. Bertempat di surau, seelok-eloknya terletak di pertengahan jalan antara baroh dan darat supaya mudah mereka datang. Anggota-anggota pemilih terdiri dari:

Buapak perut Lela Maharaja

- 1) Mahar Raja dari Kampung Kota
- 2) Paduka dari Kampung Cengtau dan Cembong
- 3) Menteri Maharaja dari Kampung Gadung
- 4) Juan dari Kampung Tebat

Buapak perut Sedia Raja

- 1) Menti dari Kampung Bukit
- 2) Orang Kaya Muda dari Kampung Pulau
- 3) Kaya Maharaja dari Kampung Tanjung
- 4) Kaya Mentari dari Kampung Tengah

Giliran perut ini disebut juga giliran kampung, kerana bakal Undang datang dari salah satu kampung-kampung di atas mengikut giliran mereka masing-masing. Tujuan berbuat demikian antara lain supaya tiap

(1) Carak ialah pecahan kekeluargaan dari satu keluarga asal atau sebutan lainnya, perut.

keluarga berpeluang menyandang jawatan apabila tiba masanya. Kampung Bukit Umpamasya, tidak boleh menerima gelaran kali kedua melainkan setelah Kampung Pulau, Tanjung dan Tengah, masing-masing telah menerima gelaran Undang Sedia Raja.

Apabila penentuan giliran perut didapati atau pendek kata calon-calon dari salah satu kampung dapat dicari, perkara ini terserah pula kepada Datuk Lembaga yang bertugas memberitahu semua waris. Jika Lembaga mendapati tidak bersesuaian, cadangan ini akan ditolak. Tapi apabila persetujuan Lembaga tercapai, hal ini terserah pula pada Datuk Perba memanggil waris-waris buapak dan Lembaga untuk mendapatkan nama-nama calon. Calon terbuka pada mereka yang berusia 18 tahun ke atas. (1) Datuk Perba bersama-sama Orang Besar Undang Berempat (2) bertugas memilih calon yang layak dengan cara menemuramah (interview). Motif adakan temu-ramah adalah untuk mengkaji latar belakang (3)

(1) Informasi dari Datuk Perba Abd. Aziz b. Musin. Dari pengalaman beliau telah menemuramah lebih kurang 40 calon Undang dari perut Sedia Raja pada tahun 1963 iaitu sebelum Datuk Undang Sedia Raja Adnan b. Masih terpilih.

(2) Orang Besar Undang Berempat ialah Orang Kanan Undang. Mereka tidak berhak menentukan calon Undang. Mereka ialah.....

- a) Datuk Syahbandar
- b) Datuk Mangkubumi
- c) Datuk Menteri Lela Perkasa
- d) Datuk Raja Biraja.

(3) Latar belakang calon Undang dari segi keturunan.

- a) Mosti anak watan Luak Rembau.
- b) Istri juga Mosti anak watan Luak dan punya harta.

seorang calon. Soalan-soalan berkaitan dengan hukum adat, ugama dan pengetahuan luar selain dari melihat secara terperinci keadaan fizikal bakal calon itu supaya tiada cacat pada tubuhnya sedikit pun, kerana menurut adat, seorang Datuk Undang tidak boleh cacat anggota. Ini merupakan peringkat pertama dalam proses pemilihan iaitu mencari giliran.

Peringkat kedua bermula di Balai Undang, apabila nama calon-calon⁽¹⁾ dipersembahkan kepada Datuk Lembaga Tiang Balai yang Delapan bagi menentukan seorang calon sahaja. Mereka terdiri dari Datuk Tiang Balai Darat dan Baroh di mana Datuk Lembaga Tiang Balai sebelah baroh membuat pilihan manakala Datuk Lembaga Tiang Balai sebelah darat hanya berhak membuat pengesahan,⁽²⁾ kerana mereka mesti tunduk pada kata perbilangan:

"Yang sebelah baroh menjadikan
Yang sebelah darat mengakui!"

Pemilihan tidak akan terjejas, seandainya ada antara anggota dari Lembaga Yang Duabelas atau Orang Besar Undang tidak bersetuju.

(1) Menurut Datuk Perba Abd. Aziz b. Husin, hanya 7 atau 8 nama-nama calon sahaja dari 40 orang, dihantar ke Datuk Lembaga Tiang Balai untuk memilih seorang calon sahaja daripadanya.

(2) Abbas Hj. Ali, *op cit*, hal. 61.

Setelah kebulatan suara tercapai dari mereka yang terlibat, maka ini berarti keputusan resmi diterima. Datuk Gempa Maharaja bertanggungjawab kemukakan nama bakal Undang sekiranya ia terpilih dari perut Lela Maharaja. Dan sebaliknya, jika pilihan berasas pada cerak Sedia Raja, maka Datuk Warhansa akan mengumumkan namanya. Biasanya, selepas pengisytiharan nama itu, diikuti pula tembakan meriam 9 das atau dikenali dengan nama 'alamat Undang'.

Selepas kedatangan Inggeris (Sistem Residen), upacara pengisytiharan ini dilaksanakan oleh Pegawai Daerah dan Setia Usaha Kerajaan Negeri. Kemudian Datuk Undang baru itu duduk di tempat kebesarannya di Balai Undang. Datuk-datuk Lembaga datang menyembah secara tidak resmi. Istiadat seterusnya akan dibuat di Telapak dan teratak dalam bentuk jamuan untuk anak buah. Jadi, dengan tembakan meriam 9 das dan penyembahan dari Pegawai Daerah dan Setia Usaha Kerajaan Negeri, juga Datuk Lembaga itu menandakan berakhirnya proses pemilihan, kini timbul adat istiadat Kerjan⁽¹⁾ dan upacara penyembahan kepada yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Adat Istiadat Kerjan

Adat istiadat Kerjan dilakukan di telapak dan teratak selepas tiga bulan dilantik atau sebelum Datuk Undang baru itu mengerjakan adat menyerah atau memperkenalkan diri kepada Yang Dipertuan Besar.

(1) Kerjan: Upacara adat Datuk dan Maharaja Adat.

(1) Sebutan lain bagi kerjan ialah menabal.

Sebelum hari Kerjan yang sebenar berlangsung, Datuk Undang berada—berada di rumah ibunya (telapak) untuk menerima penyembahan dari waris keluarga, buapak dan Lembaga serupa dengan istiadat melantik buapak dan Lembaga, pihak Datuk Lembaga sebelah pihak isteri membawa tepak sirih untuk menjemput Datuk Undang ke teratak. Di teratak dan telapak diadakan jamuan sekurang-kurangnya menyembelih seekor Kerbau. Datuk Perba sekali lagi bertugas mengisytihar penabalan di situ dan dia juga menyerahkan Datuk Undang dibawa dari telapak ke teratak.

Penetapan hari penabalan yang sebenar dibuat berasaskan persetujuan bersama di mana semua anggota Lembaga dan Buapak dapat hadir. Pada hari tersebut, ada pendapat mengatakan, pada suatu masa dulu, istiadat ini mesti dibuat di Kampung Nerassau, tapi sekarang di rumah Undang sendiri (teratak). Begitu juga, sebelum penabalan berlaku, Datuk Undang mesti mandi atau berlangir di sebuah kolam di Changkau. (1)

Apabila Datuk-datuk Lembaga semuanya hadir dan Datuk Undang lengkap berpakaian, berbaju Melayu, berdaster dan berkeris persis seorang anak raja serta duduk di atas tempat kebesaran. Tempat kebesaran Undang berukuran 7 tingkat dihiasi dengan lalangit dan tabir dari kain hitam, kuning, merah, berjalur-jalur dan sebagainya. Antara kebesaran lain termasuklah (2)

(1) Perolehan informasi dari Datuk Sri Maharaja Abu Kassim b. Abd. Rahman, Datuk Lembaga sebelah darat yang ditemu-bual penulis pada 1/11/78.

(2) Abbas Hj. Ali, *op cit*, hal. 62.

"Empat payung terkembang
Empat tombak menghurai
Empat pedang tersengai (tercabut)
Empat keris panjang tercabut
Mendirikan tangga (toko)
Tiang berpulut kain
Tabir di dinding
Merual
Terpasang langit-langit
Tersangkut sampian
Ular-ular
Geming berangkat
Pajar menyinsing
Malaman beratap kain
Tilam berulas
Canang berpukul
Santal bersusun
Alamat berbunyi"

Nama Undang sekali lagi diisytihar oleh Datuk Perba. Datuk Lembaga datang menyembah bergilir-gilir mengikut taraf dan kedudukan masing-masing. Jika didapati ada Lembaga yang tiada mengadap padahal telah dimaklumkan kepadanya terlebih dahulu atau tidak hadir tanpa alasan yang konkrit, maka ini bermakna, dia tidak mengiktiraf atau menjunjung sabda Undang. Hukuman pada kesalahan ini, dengan secara langsung, Datuk Lembaga tersebut akan terpecat dari saat itu juga.⁽¹⁾ Jika dia sakit, bolehlah salah seorang Orang Besar di dalam sukunya memangku sebagai ganti dirinya menyembah. Begitu juga dengan penggantinya akan dilantik pada hari itu dan berkewajipan menyembah dalam istiadat ini. Istiadat berakhir dengan bacaan doa selamat dan jamuan makan untuk semua anak buah di luar Rembau. Untuk istiadat

(1) Pada tahun 1905, 7 orang Lembaga terpecat kerana tidak hadir dalam istiadat penabalan Datuk Lela Maharaja Hj. Sulong.
(Abbas Hj. Ali, *ibid.*)

ini, Datuk Undang memperuntukan 5 atau 7 ekor kerbau untuk disembelih. Pada hari kerja ini juga Undang yang baru dikhendaki menziarahi makam Undang yang meninggal dunia.

Adat istiadat Penyembahan kepada Yang DiPertuan Besar

Adat istiadat penyembahan berlangsung dalam suasana yang agak kompleks. Jika kita dapat lihat secara langsung, saya rasa, ia merupakan suatu perkara menarik, tidak pernah dibuat oleh seorang pemimpin dari negeri luar adat perpatih ini untuk mendapatkan pengesahan dari raja mereka. Di sini letaknya keunikan adat Perpatih kerana istiadat ini seolah-olah satu upacara perarakan meredah hutan dari Rembau hingga ke Sri Menanti. Istiadat penyembahan dilakukan sesudah lebih kurang dua minggu pertabalan Datuk Undang.

Sebelum upacara bermula, pihak Undang menghantar dua orang wakil ke Sri Menanti untuk memberitahu kedatangan Datuk Undang.

Untuk penyembahan, Datuk Undang membawa barang persembahan berupa satu persalinan pakaian, lapan bako dodol dan wang \$24/-. Biasanya, adat penyembahan memakan masa tiga hari. Suatu yang agak anih, mereka berhari-harian bermalam di hutan.

Pada hari pertama, Undang beserta kepala waris dan juak-juak hulubalang yang membawa alat kebesaran dan anak buah berjumlah lebih kurang 200 orang bertolak dari teratak melalui Miku dengan berjalan

kaki, terpaksa merentas hutan dan membuat jalan sendiri. ⁽¹⁾ Perjalanannya mereka tidak boleh menggunakan jalan raya. ⁽²⁾ Sepanjang perjalanan, mereka berhenti rehat di sebuah tempat khas yang memang disediakan. Tempat persinggahan ini dinamakan Telapakak Rembau. Tempat persinggahan pertama adalah di surau Perkat. ⁽³⁾ Di setiap perhentian, mereka menerima bekalan makanan yang dibawa khas dari Istana Sri Menanti. Di situ juga terpasang segala alat kebesaran Undang.

Dari Niku, Datuk Undang teruskan perjalanan melalui Gunung Pasir dan pada waktu petang sampai ke rumah telapakunya di Bukit Tempurung. ⁽⁴⁾ Mereka bermalah lagi sehingga ada utusan dari istana

(1) Menurut Datuk Perba Abd. Aziz b. Musin, syarat Datuk Undang mesti berjalan kaki meredah hutan sebelum menemui yang Dipertuan adalah berasal dari kesalahan yang dilakukan oleh salah seorang Datuk Undang di zaman silam. Rakyat menentanginya kerana kezalimannya memerintah. Dengan melalui jalan itu, beliau selarikan diri untuk menemui Yamtuan. Jadi, hukuman atas kezalimannya itu, Yamtuan memerintahkan supaya beliau dan Datuk Undang seterusnya mestilah berjalan kaki melalui jalan-jalan tersebut sebelum menemui beliau.

(2) Setiap kali Datuk Undang menghadap Yamtuan, mereka mesti berjalan kaki. Penggunaan jalan raya adalah terlarang. Pernah seorang Datuk Undang Hj. Ippay b. Abdullah tidak diterima menghadap kerana kedatangan beliau ke istana dengan menaiki kereta.

(Informasi dari Datuk Perba Abd. Aziz b. Musin).

(3) Surau Perkat adalah mengambil sempena nama seorang tua bernama Perkat kerana jasanya membina surau itu.

(Perolehan informasi dari Datuk Maharaja Indra Samad b. Hassan, dari suku Tanah Datar, Datuk Lembaga sebelah ^{bawah} yang ditemu-bual penulis pada 4/11/78.

(4) Dari pengalaman Datuk-Datuk Lembaga di atas, mereka dan rakyat Rembau pernah bermalah di rumah Datuk Abd. Samad Idris yang pernah dijadikan tempat persinggahan dalam perjalanan itu.

mempersila Datuk Undang menghadap. Biasanya, pemberitahuan ini disampaikan oleh Datuk Bentara Dalam, Raja Penghulu, salah seorang Orang Besar Lingkungan.

Perjalanan Datuk Undang berakhir bila sampai di istana. Orang-orang Besar istana memasang alat-alat kebesaran Undang di mana Datuk Undang duduk di Balai rong. Beliau duduk diapit oleh Orang Empat Istana dengan susunan, dua di kiri dan dua di kanan. Di hadapan kiri kanan singgahsana, terdapat Pegawai yang Enam, Apit Lempang dan Orang Besar Lingkungan.

Setelah yang Difertuan Besar dan Tengku Ampuan duduk di singgahsana, Datuk Amar Diraja, diikuti Datuk Diwangsa (1) mempersenbahkan sepersalinan pakaian dan wang \$24 kepada Baginda. Kemudian Datuk Bentara Dalam pula berperanan sebagai Jurucakap, tampil kehadapan bersila rapat dan menjunjung duli tiga kali dan bangkit berdiri di sebelah singgahsana dan menghala muka kepada Datuk Undang Rembau dan berkata. (2)

"Datuk Sedia Raja/Lele Maharaja titah memanggil akan menyempurnakan istiadat kejadian Undang, maka dasinglah Datuk menghadap menjunjung duli dan menjunjung titah".

(1) Peranan Datuk Amar Diraja dan Datuk Diwangsa dinamakan juga Haluan Sembah.

(2) Nordin Selat, op cit hal. 156.

Maka Datuk Undang Rombau pun bangun, menjunjung duli tiga kali, berjalan kedepan dengan menundukkan kepala serta mengangkat tangan mengikut tata tertib sebanyak tujuh kali. Setiap kali mencium tangan, diselang seli dengan mengangkat menjunjung duli. Selesai mencium tangan, Datuk Undang mengatur langkah kebelakang perlahan-lahan sambil mengangkat tangan tiga kali berturut-turut seperti permulaan tadi. Setelah itu, beliau pun berucap tanda setia. (1)

"Alampun sembah patik dengan berkat daulet
menahon patik kepada Allah dan Rasul barang
dibukakan Allah pintu kalbu patik dan setia
patik menjunjung tidak tiada berubah seperti
adat pesaka yang telah turun temurun didalam
alan Duli Yang Maha Mulia pada luak Rombau
dengan seberapa mampu akan tast patik
berbuat adil dan menjalankan sebarang
pekerjaan dengan bernesyunarat serta Lembaga
bagi yang berlaku kepada kebajikan keamanan
luak negeri ini, ampun sembah".

Selesai pengucapan, Datuk Undang mengangkat tangan tiga kali dan undur kebelakang, melangkah lima kali. Apabila sampai ke tempat duduk, beliau menyembah tiga kali. Setakat itu, upacara selesai dan diadakan jamuan ringan. Apabila pulang ke luak, Datuk Undang boleh gunakan kenderaan. Pada masa kini, turut hadir dalam upacara penyembahan ialah Menteri Besar, Yang Teramat Mulia Tengku Besar Tampin dan pegawai-pegawai kerajaan yang lengkap berpakaian melayu beserta bintang kehormatan masing-masing. (2) Harus diingat, antara

(1) Nordin Selat, *ibid.*, hal. 151.

(2) *Ibid.*

(3) Nordin Selat, *ibid.*, hal. 152.

(4) Nordin Selat, *ibid.*, hal. 157.

luak-luak, ada kekelainan dalam adat istiadat perlantikan, kerjen dan pengkebunian. Datuk Undang, Tapi, paling ketara ialah kedudukan Datuk Undang setaraf dengan raja, harus dihormati dan disenbah apabila bersua dengannya.

Kedudukan Datuk Undang dalam Masyarakat

Kedudukan Datuk Undang diakui masyarakatnya terlalu agung. Dari cara berpakaian hingga dalam pergaulan seharian, Undang mendapat keistimewaan. Ketika menghadiri upacara, Datuk Undang mesti berpakaian kebangsaan iaitu berbaju melayu, berdaster dan berkeris. Suatu masa dulu, Undang tidak boleh memakai sampin dan daster yang sewarna dengan baju dan seluar. (2) Tapi kini, larangan tersebut tidak berkuatkuasa. Begitu juga lipatan daster tiap Undang berlainan mengikut taraf dan kedudukan mereka. (2) Lama kelamaan berlaku perubahan meskipun ada Undang yang masih kekalkan lipatan asal.

Sama seperti Buspak dan Lembaga, tempat khas beserta alat kebesaran terpasang mesti disediakan apabila menjemput Undang ke majlis-majlis perkahwinan misalnya mesti dilakukan tiga hari tiga malam kerana, "Oleh Undang tiga hari tiga malam". Undang Rembau pada zaman lampau, harus diusung pergi dan balik bila menghadiri majlis

(2) Nordin Selat, ibid, hal. 158

(2) Nordin Selat, ibid, hal. 158.

di mana waktu beliau tiba dan pulang mesti diiringi dengan tembakan meriam tujuh das. Selain dari Lembaga Yang Delapan, orang kebanyakan yang ingin bertemu Undang mesti membuat perjanjian terlebih dulu.

Pakaian harus bersopan misalnya orang lelaki mesti bersongkok dan bertali leher sambil membahaskan diri undang sebagai 'Datuk' dan diri sendiri sebagai 'hamba datuk'. Menyentuh tentang pembahagian harta, bila Undang meninggal dunia segala harta carian terpulang kepada isteri tapi jika bercerai hidup, semua harta terserah pada Undang. Ini satu keistimewaan Datuk Undang di sisi masyarakatnya.

Sesungguhnya, proses perlantikan Undang, istiadat kerjan dan penyembahan diri kepada Yang Dipertuan Besar melalui tahap-tahap yang

agak rumit dan penuh dengan adat istiadat. Sehingga ke zaman sains dan teknologi, adat istiadat ini masih tidak berubah. Barangalapa yang cuba membuang adat, mereka bukan sahaja akan didenda malah mungkin dihalau keluar dari masyarakatnya. Kita agak sukar untuk menyakikan sendiri adat perlantikan ini kerana pelaksanaannya tidak dalam jangka masa yang ditetapkan sebab setiap jawatan merupakan jawatan seumur hidup. Mungkin dalam masa 20 atau 30 tahun sekali kita berpeluang menyaksikannya.

LAMPIRAN 1

SENARAI PENYANDANG-PENYANDANG
PUSAKA UNDANG REMBAU

BIL	TAHUN	NAMA	WARIS	KAMPUNG
1.	1540-1555	Datuk Lela Maharaja Seri Rama	Jakun	Kota
2.	1555-1605	Datuk Onbo	Jawa	-
3.	1605-1620	Datuk Langgang	Jakun	Kota
4.	1620-1645	Datuk Pandak	Jawa	Kg. Tengah
5.	1645-1660	Datuk Usmu (Puteh kepala)	Jakun	Kg. Chengkau
6.	1660- ?	Datuk Sagah	Jawa	-
7.	?	Datuk Kurap	Jawa	-
8.	? -1750	Datuk Sabat	Jawa	-
9.	1750-1790	Datuk Lulinsch	Jakun	Kg. Chengkau
10.	1790-1795	Datuk Pekat	Jawa	Kg. Tengah
11.	1795-1812	Datuk Kusil	Jakun	Kg. Tebat
12.	1812-1819	Datuk Bogok	Jawa	Kg. Bukit
13.	1819-1838	Datuk Ngenit	Jakun	Kg. Chengkau
14.	1838-1871	Datuk Akhir	Jawa	Kg. Pulau
15.	1871-1883	Datuk Hj. Sahil	Jakun	Kg. Chengkau
16.	1883-1905	Datuk Serun b. Saidin	Jawa	Kg. Tengah
17.	1905-1922	Datuk Hj. Sulong Miah	Jakun	Kg. Gekung
18.	1922-1938	Datuk Abdullah b. Hj. Dahan	Jawa	Kg. Tanjung
19.	1938-1962	Dt.Hj.Ippap b. Abdullah	Jakun	Kg. Kota
20.	1963-	Dt.Hj.Adnan b. Masih	Jawa	Kg. Bukit

Petikan dari A. Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Utusan Melayu, K.L. 1968.

* Senarai ini tidak begitu tepat terutama pada tarikh dan nama
kerana tiada peringatan bertulis dijumpai.

Bibliografi

Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Pencetakan Utusan Melayu, K. Lumpur 1968.

Abdul Rahman b. Muhammad, Dasar-dasar Adat Perpatih,
Pustaka Antara, K. Lumpur 1964.

Abbas b. Hj. Ali, Manbau, Sejarah Perlembagaan dan Adat Istiadatnya,
Pencetakan Pertama, Kerajaan Johor, 1953.

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia,
Penerbit Universiti Malaya, K. Lumpur, 1973.

A.M. Dabik Marican Satuk & D.M. Bugindo Tanamah, Adat Adat dan
Adat Minangkabau, Penerbit M.V. Pustaka Aseli, Djakarta, 1957.

Gould & Kolb, A Dictionary of Social Sciences,
Tavistock Publication, London 1964.

Hocker, M.B., Adat Law in Modern Malaya,
Oxford University Press, K. Lumpur, 1972.

Hocker, M.B., Reading in Malay Adat Law,
Singapore University Press, Singapore, 1970.

Josselin de Jong, P.E., Minangkabau and Negeri Sembilan,
The Hague, 1951.

Lister, Martin The Negeri Sembilan, Their Origin and Constitution,
Government Printing, Singapore. (JSEMAS, vol. XIV, 1967).

M.D. Mansoor, Sedjarah Minangkabau, Ehratera,
Djakarta, 1970.

M.A. Manafiah (Prof), Tinjauan Adat Minangkabau, 1970.

Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih,
Utusan Melayu Sdn. Bhd., K. Lumpur, 1975.

Syed Hussein Ali, Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia,
Penerbit Pajar Bakti Sdn. Bhd., K. Lumpur, 1977.

Swift, M.G. Malay Peasant Society in Jelohu,
The Anthlone Press, New York, 1965.

Milkinson R.J., Papers on Malay Subject,
Oxford University Press, K. Lumpur, 1971.

Rujukan dari thesis dan Kertas Kerja

Kamariah Sabih, "Penyesuaian dalam Adat Perpatih"
Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.)
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, K. Lumpur, 1967.

Zainal Kling, "Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara",
Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Sastera (H.A.)
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, K. Lumpur, 1969.

Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih,
Anjuran Majlis Balia Negeri,
Seremban, Negeri Sembilan yang berlangsung pada 10 - 12 April, 1974.

Panitia Seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau, Padang, 1970.